

Nama : Wan Mohd Hamdi bin Nordin @ Wan Ghazali

Program : Sarjana Pendidikan Bahasa Arab

No. Pelajar : P39369

Kod Kursus : GC6583

Nama Kursus : Perancangan Kurikulum Bahasa Arab

Penyelaras : Dr. Nik Mohd Rahimi

Tugasan 2

Tajuk 2

Analisis keperluan kurikulum Bahasa Arab

- A. Keperluan pelajar Bahasa Arab di Malaysia dari aspek tahap dan jenis.**
- B. Keperluan sosial Bahasa Arab di Malaysia dari tahap dan jenis.**
- C. Keperluan mata pelajaran Bahasa Arab di Malaysia.**
- D. Bagaimana cara untuk melaksana analisis keperluan kurikulum Bahasa Arab di Malaysia.**
- E. Sila bina alat kajian untuk menjalankan analisis keperluan kurikulum Bahasa Arab.**

Pendahuluan

Bahasa Arab merupakan antara bahasa utama dunia. Ianya dituturkan oleh sebahagian besar umat Islam seluruh dunia dan merupakan antara 3500 yang terdapat didunia dan salah satu daripada enam bahasa rasmi (Bahasa Inggeris, Bahasa Perancis, Bahasa Russia, Bahasa Sepanyol, Bahasa Cina dan Bahasa Arab (Dr. Haji Maimon Aqsha-Tesis Sarjana 1991). Penyebaran agama Islam di rantau Asia Tenggara telah membantu perkembangan Bahasa Arab. Kaitan antara Bahasa Arab dan agama Islam memang tidak dapat dipisahkan kerana sumber ajaran, hukum dan perundangan Islam adalah berasal dari Bahasa Arab.

Perkembangan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab juga merupakan aspek yang dibincang dan mengalami perubahan dari masa ke semasa. Begitu juga dengan perkembangan kurikulum yang berlaku dalam Bahasa Arab. Perancangan demi perancangan dilakukan untuk memperkasakan lagi bahasa ini. Berbagai strategi dan pendekatan diperkenalkan dan digunakan dalam setiap aspek bermula dari perancangan kurikulum, penetapan objektif umum dan khusus, pemilihan bahan pengajaran, latihan kepada tenaga pengajar, pelaksanaan kurikulum dan seterusnya penilaian berdasarkan pencapaian pelajar-pelajar samada dari peringkat asas sekolah rendah, sekolah menengah dan seterusnya ke peringkat pengajian tinggi. Usaha pemerkasaan ini diterjemahkan oleh kerajaan dengan pengenalan kepada program-program yang spesifik seperti j-QAF dan program-program persediaan pelajar-pelajar yang akan menyambung pelajaran ke negara timur tengah yang dikendalikan oleh IPT tempatan.

Teori-teori perkembangan kurikulum yang dipakai cuba disesuaikan dengan matapelajaran Bahasa Arab supaya selari dengan keperluan pelajar, masyarakat dan negara. Berbagai usaha dan kajian dijalankan untuk menambahbaik kurikulum Bahasa Arab ini dari masa ke semasa.

Kurikulum Bahasa Arab di Malaysia.

Di Malaysia, matapelajaran Bahasa Arab pada dasarnya adalah matapelajaran yang diajar di sekolah-sekolah agama samada sekolah agama rakyat (SAR) atau sekolah agama kerajaan (SMKA). Tetapi kini ianya berkembang ke sekolah menengah kerajaan yang bukan aliran agama dan diperkenalkan sebagai matapelajaran elektif. Senario ini selaras dengan fokus Kurikulum Abad ke 21 yang telah menggariskan bahawa masyarakat Malaysia perlu memiliki kemahiran pelbagai bahasa. Era globalisasi juga sedikit sebanyak menyumbang kepada keperluan kemahiran multi bahasa ini. Rakyat Malaysia perlu menguasai dua bahasa atau lebih (selain bahasa Malaysia) supaya boleh berkomunikasi dengan berkesan, dan berupaya menggunakan segala maklumat dalam pelbagai bahasa (Pusat Perkembangan Pendidikan, 1996).

Untuk menyediakan sukatan pelajaran yang bersesuaian dengan situasi ini, maka kurikulum baru perlulah digubal untuk memastikan ianya memenuhi kehendak pelajar, masyarakat dan negara. Oleh itu, perancangan kurikulum hendaklah teliti dengan mengambilkira tahap dan jenis keperluan pelajar, keperluan masyarakat dan seterusnya negara.

Kurikulum bahasa Arab yang sedia ada mempunyai dua sukatan iaitu, Bahasa Arab Tinggi (BAT) dan Bahasa Arab Komunikasi (BAK). Kedua-dua sukatan ini memberi penekanan yang berlainan. Bahasa Arab Tinggi memberi penekanan kepada penguasaan tatabahasa Arab dan kurang penekanan kepada kemahiran komunikasi. Sebaliknya, Bahasa Arab Komunikasi menekankan kemahiran-kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dan kurang memberi penekanan kepada penguasaan tatabahasa Arab. Sementara guru-guru yang mengajar Bahasa Arab Komunikasi masih lagi menggunakan kaedah terjemahan yang tidak begitu menekankan kemahiran mendengar dalam pengajaran mereka (Nik Mohd Rahimi, 1998)

Berikut adalah beberapa huraian dan analisis keperluan kurikulum Bahasa Arab di Malaysia. Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia dikalangan pelajar terbahagi kepada beberapa tahap dan jenis. Pembahagian ini penting untuk kita meneliti setiap aspek yang boleh menjadi faktor penting dalam menghasilkan satu kurikulum Bahasa Arab yang benar-benar memenuhi keperluan semua pihak..

Pembahagian tahap dan jenis keperluan adalah seperti berikut;

- A. KEPERLUAN PELAJAR BAHASA ARAB DI MALAYSIA DARI ASPEK TAHAP DAN JENIS.**
- B. KEPERLUAN SOSIAL BAHASA ARAB DI MALAYSIA DARI TAHAP DAN JENIS.**

Keperluan pelajar Bahasa Arab dan keperluan masyarakat tidak boleh berasingan. Ianya mesti selari dengan pembelajaran Bahasa Arab. Ini adalah kerana keperluan pelajar dan masyarakat berlaku seiringan. Keperluan antara pelajar dan masyarakat dan lain-lain peringkat adalah berkait rapat antara satu sama lain. Tetapi kadang-kadang keperluan ini bercanggah antara satu sama lain.(Peter F. Oliva).

Keperluan pelajar terhadap Bahasa Arab di sesuatu tempat mungkin berbeza dengan tempat yang lain walaupun mempelajari Bahasa Arab adalah untuk menguasai asas kemahiran bahasa yang sama iaitu mendengar, menulis, bertutur dan membaca. Seseengah kurikulum bahasa Arab menfokuskan kepada kemahiran dengar dan tutur sahaja, manakala seseengah kurikulum menekankan kesemua aspek kemahiran berbahasa.

Minat dan kemahuan

Satu perkara yang perlu dilihat oleh penggubal kurikulum sebelum membuat analisa berkenaan dengan keperluan, adalah minat dan kemahuan pelajar. Kita perlu membezakan antara minat dan keperluan. Minat merujuk kepada sikap dan tanggapan awal terhadap sesuatu. Manakala kemahuan tergolong dalam harapan dan keinginan untuk mendapatkan sesuatu seperti keinginan berbelanja, berfesyen dan lain-lain.

Oleh itu para penggubal kurikulum tidak boleh memandang remeh akan perkara minat dan kemahuan di kalangan pelajar. Kedua-dua faktor ini boleh menjadi faktor motivasi yang berkesan. Minat dan kemahuan ini perlulah selalu diberi perhatian dan disaringtapis dalam proses penyediaan kurikulum dan bahan pengajaran. Walaupun para penggubal kurikulum mungkin tidak dapat memenuhi hasrat dan kehendak pelajar, tetapi minat dan kemahuan para pelajar perlu diberi perhatian. Dalam konteks bahasa Arab, minat dan kemahuan adalah faktor utama pendorong untuk mempelajari bahasa Arab. Minat kepada mempelajari bahasa ini akan mendorong pelajar-pelajar untuk mendalami bahasa Arab.

Tujuan pembelajaran bahasa.

Satu aspek yang perlu juga dilihat dalam melihat keperluan pembelajaran bahasa ialah tujuan pembelajaran. Dalam hal ini Strevens 1978; Widdowson 1983; Hutchinson & Waters 1986; Yalden 1987) menyebut bahawa terdapat perbezaan antara pengajaran bahasa umum yang dijalankan dalam sistem persekolahan sama ada peringkat rendah, menengah dan menengah atas dengan pengajaran bahasa khusus. Pengajaran bahasa umum dijalankan di sekolah bertujuan untuk memperkembangkan keupayaan bahasa pelajar secara umum bagi membolehkan mereka menggunakan bahasa dengan berkesan seperti yang ditetapkan dalam sukatan pelajaran. Sementara pengajaran bahasa khusus pula, bertujuan untuk memperkembangkan kecekapan berbahasa khusus pelajar dalam bidang tertentu bagi membolehkan mereka menggunakan bahasa secara tepat dan berkesan sama ada dalam media lisan atau penulisan bagi mencapai matlamat akademik dan pekerjaan (professional) dalam bidang tersebut (Widdowson 1983).

Robinson (1991) menegaskan bahawa terdapat beberapa persamaan dan perbezaan antara pengajaran bahasa untuk tujuan umum dengan pengajaran bahasa untuk tujuan khusus. Antaranya adalah seperti berikut;

1. Bahasa khusus mempunyai matlamat akademik, profesional dan vokasional. Manakala matlamat umum pula adalah untuk memberi pengetahuan umum tentang unsur-unsur bahasa dan keempat-empat kemahiran berbahasa bagi

- mbolehkan pelajar menggunakannya dalam bentuk komunikasi yang berkesan.
2. Analisa keperluan berbahasa dan motivasi amat jelas dan penting tetapi dalam pengajaran bahasa umum ciri ini tidak jelas.
 3. Pelajar bahasa khusus terdiri daripada pelajar dewasa dan remaja. Sementara pelajar bahasa umum terdiri dari pelajar dewasa dan kanak-kanak.
 4. Kelas bahasa khusus pula secara bandingannya bersifat homogenus, sementara kelas bahasa Arab khusus lebih bersifat heterogenus.
 5. Masa pengajaran bahasa khusus pula singkat dan terhad tetapi masa untuk pengajaran bahasa umum secara bandingannya lebih panjang.
 6. Perkaedahan komunikatif diamalkan dalam pengajaran bahasa khusus. Sementara kaedah pengajaran bahasa umum lebih luas. Ini termasuklah kaedah nahu-terjemah, audio-lingual dan komunikatif.
 7. Dalam pengajaran bahasa khusus selain daripada kemahiran asas mendengar, bertutur, membaca dan menulis, pelajar juga dilatih dalam kemahiran-kemahiran khusus yang relevan dengan bidang pengkhususan mereka. Sementara penekanan dalam bahasa umum adalah terhadap keempat-empat kemahiran berbahasa.
 8. Bahan dan tajuk pelajaran dalam pengajaran bahasa khusus lebih bersifat khusus dan menyentuh pelbagai perkara berkaitan dengan bidang pengkhususan pelajar. Manakala bahasa dan tajuk dalam kelas bahasa umum lebih umum sifatnya.
 9. Perbendaharaan kata yang diajar dalam kelas bahasa khusus adalah lebih bersifat khusus subteknikal serta perbendaharaan kata umum. Sementara perbendaharaan kata untuk pengajaran bahasa umum terdiri daripada perbendaharaan kata umum sahaja.

Tujuan analisa keperluan.

Para penggubal kurikulum perlu membuat analisa keperluan berdasarkan beberapa sebab. Jack C. Richards dalam bukunya *Curriculum Development in Language Teaching* (2001) menyebut tentang beberapa keperluan analisa keperluan. Antaranya;

1. Untuk mengenalpasti apakah kemahiran-kemahiran berbahasa yang diperlukan pelajar dalam tugas tertentu seperti menjadi pengurus perniagaan atau pemandu pelancong atau pelajar di universiti.
2. Untuk menolong menentukan kurikulum yang sedia ada menepati keperluan dan memenuhi potensi pelajar.
3. Untuk menentukan pelajar manakah yang memerlukan latihan-latihan tertentu dalam kemahiran berbahasa.
4. Untuk mengenal pasti perubahan arah yang mana golongan tertentu yang menjadi rujukan merasakan ianya penting.
5. Untuk mengenalpasti jurang antara apa yang pelajar boleh lakukan dan apa yang perlu mereka lakukan.
6. Untuk mengumpul maklumat berkenaan dengan masalah tertentu yang dihadapi oleh pelajar.

A. KEPERLUAN PELAJAR BAHASA ARAB DARI ASPEK TAHAP

Tahap keperluan pelajar yang perlu dikenalpasti oleh penggubal kurikulum adalah

1. Tahap Kemanusiaan
2. Tahap Kebangsaan
3. Tahap negara
4. Tahap masyarakat.
5. Tahap sekolah.
6. Tahap Individu.

1. Tahap kemanusiaan

Pada tahap ini, kurikulum yang hendak digubal perlulah memenuhi kehendak atau keperluan pelajar sebagai seorang manusia. Iaitu apa yang diperlukan oleh manusia secara umumnya seperti aspek komunikasi dan lain-lain. Para penggubal kurikulum Bahasa Arab di Malaysia perlulah menyelidiki akan keperluan dari aspek ini di kalangan pelajar. Mungkin keperluan Bahasa

Arab kepada pelajar untuk berkomunikasi samada dalam kehidupan harian mahupun ketika berurusan di sekolah tidak terlalu mendesak, tetapi mungkin di setengah-setengah pusat pengajian, pelajaran Bahasa Arab menjadi satu matapelajaran utama untuk memantapkan kemahiran berkomunikasi.

Penghantaran pelajar-pelajar yang bukan jurusan agama ke negara-negara Timur Tengah untuk mengikuti kursus perubatan contohnya, secara tidak langsung mewujudkan satu keperluan pelajar-pelajar ini untuk berkomunikasi dalam Bahasa Arab. Dalam hal ini para penggubal kurikulum bahasa Arab perlu menilai dengan teliti akan keperluan yang membabitkan aspek kemanusiaan yang berkaitan dengan komunikasi. Mungkin keperluan-keperluan lain yang berkaitan dengan aspek kemanusiaan tidak berkaitan dengan perkembangan kurikulum bahasa Arab.

2. Tahap Kebangsaan.

Di tahap ini, keperluan umum pelajar dinilai dan diambil kira oleh penggubal Kurikulum Bahasa Arab. Matlamat pendidikan Bahasa Arab di Malaysia perlulah diambilkira untuk menentukan keperluan pelajar. Sejauh mana keperluan negara kepada Bahasa Arab perlu diteliti. Penggubal kurikulum juga perlu peka dengan perkembangan pelajar dalam pendidikan, begitu juga dengan gaya pembelajaran yang sentiasa berubah-ubah. Contohnya penggunaan teknologi Maklumat dan maklumat-maklumat atas talian yang boleh menolong pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

3. Tahap negeri.

Penggubal kurikulum Bahasa Arab juga perlu mengambil kira keperluan pelajar di tahap negeri. Keperluan sesetengah negeri dengan negeri yang lain mungkin berbeza. Negeri-negeri yang asalnya telah kuat perkembangan Bahasa Arab perlulah menilai perkembangan kurikulum yang

lebih tinggi. Jadi keperluan pelajar terhadap Bahasa Arab di negeri-negeri seperti ini haruslah selari dengan tahap keperluan bahasa mereka.

Contohnya kurikulum yang digunakan di negeri-negeri semenanjung Malaysia adalah selari dengan keperluan pelajar kepada Bahasa Arab berbanding dengan keperluan pelajar Sarawak dan Sabah. Ini adalah kerana faktor-faktor sejarah yang mana asas perkembangan Bahasa Arab di Sabah dan Sarawak tidaklah sekukuh di Semenanjung Malaysia. Pengenalan kepada bahasa Arab di sekolah-sekolah Sabah dan Sarawak mungkin lebih berbentuk pengenalan bahasa tanpa memberi tumpuan yang tinggi dalam aspek pengajaran tatabahasa dan komunikasi. Tetapi bagi negeri-negeri di Semenanjung, yang mana menjadi keperluan negeri untuk menjadikan bahasa Arab sebagai teras dalam sistem persekolahan mereka.

4. Tahap masyarakat.

Penggubal kurikulum juga harus mengambil kira keperluan pelajar sebagai anggota masyarakat. Perbezaan budaya setempat menyebabkan timbulnya perbezaan terhadap keperluan Bahasa Arab. Pelajar-pelajar yang berada dalam masyarakat yang bersekolah agama di waktu petang, maka keperluan mereka kepada Bahasa Arab adalah lebih daripada mereka yang tidak pergi ke sekolah agama di waktu petang. Begitu juga dengan latarbelakang masyarakat setempat. Terdapat tempat yang keterdedahan mereka kepada bahasa Arab ini tinggi, maka keinginan untuk mendalami bahasa ini juga meningkat, berbanding dengan masyarakat yang kurang terdedah dengan pembelajaran bahasa Arab ini. Maka para penggubal kurikulum Bahasa Arab perlulah melihat faktor-faktor ini semua dalam menetapkan sesuatu kurikulum.

Berkaitan dengan tahap ini, Van Els, T. Bongaerts, G. Extra, C. Van Os dan A. Janssen-van Dieten (1984, 159) mengutarakan beberapa persoalan yang perlu diambilkira dalam tahap masyarakat kepada bahasa:

- Adakah masyarakat merasakan bahawa ianya penting kepada masyarakat untuk mengetahui bahasa asing, atau ianya perlu untuk sesetengah keadaan sahaja?
- Berapa banyak bahasa asing yang perlu dikuasai oleh sesebuah masyarakat dan adakah ianya benar-benar diperlukan.?
- Berapa besarkah permintaan terhadap bahasa asing antara satu sama lain? Adakah setiap orang memerlukan kemahiran yang sama ?
- Adakah disana terdapat keperluan yang stabil?

Persoalan-persoalan ini perlu diteliti dalam menilai keperluan berbahasa di semua tahap.

5. Tahap sekolah.

Faktor lain yang perlu dilihat oleh penggubal kurikulum terhadap keperluan sekolah adalah di tahap sekolah atau institusi pengajian. Keperluan antara institusi yang berlainan adalah sangat umum dan tidak fokus. Sebagai satu contoh, keperluan pelajar kepada Bahasa Arab di sekolah-sekolah agama adalah lebih jika dibandingkan dengan sekolah menengah biasa. Kurikulum Bahasa Arab yang diperlukan di sekolah-sekolah yang seperti ini haruslah lebih fokus kepada melahirkan pelajar yang berkemahiran tinggi dalam asas-asas berbahasa Arab dari segi mendengar, bertutur, menulis dan membaca. Berbanding dengan sekolah menengah biasa atau institusi pengajian yang menawarkan Bahasa Arab sebagai pengenalan kepada bahasa sahaja dengan objektif yang minimum iaitu boleh menggunakan Bahasa Arab dalam bentuk percakapan asas sahaja. Dalam era baru ini, terdapat kesepaduan dalam pembelajaran Bahasa Arab yang menfokuskan kepada kemahiran asas bahasa tanpa mengira jenis institusi yang menawarkan pembelajaran Bahasa Arab. Dalam situasi ini penggubal kurikulum Bahasa Arab mestilah peka dengan gaya pembelajaran Bahasa Arab terkini. Sebagai contoh tentang keperluan bahasa Inggeris Peter F. Oliva menyebut

"the need for the english language may be pressing in a school with large percentage of children with another native language"

Linse menyebut

" it is the school responsibility to take into account the cultural, political, and personal characteristic of students as the curriculum is developed in order to plan activities and objectives that are realistic and purposeful. It is not the responsibility of the school to act on political matters, but it is the school's responsibility to provide equal access to school opportunities and to validate the experiences of all students, regardless of their political and/or cultural backgrounds." (Linse in Hudelson 1993,46)

Ini menunjukkan keperluan bahasa Arab disekolah-sekolah yang mensasarkan para pelajarnya mahir dalam menggunakan bahasa akan meletakkan kebolehan berbahasa pelajar sebagai satu hasil. Maka keperluan diinstitusi ini adalah tinggi berbanding dengan institusi yang bertujuan memperkenalkan bahasa Arab.

6. Tahap individu.

Tahap keperluan pelajar seterusnya, dimana penggubal kurikulum Bahasa Arab perlu memberi perhatian adalah keperluan pelajar itu sendiri. Setakat mana keperluan pelajar kepada Bahasa Arab, samada hanya sebagai pengetahuan sahaja atau ke tahap yang lebih tinggi iaitu menggunakan kemahiran berbahasa dalam kehidupannya. Atau para pelajar yang mengambil subjek Bahasa Arab sebagai kepeluan sijil atau sekolah sahaja. Tahap penerimaan pelajar juga perlu diambil kira dengan menilai latarbelakang pelajar, adakah mereka telah mempunyai kemahiran-kemahiran asas Bahasa Arab seperti mengenal huruf dan membaca. Dalam masyarakat Melayu, keterdedahan mereka kepada penggunaan tulisan jawi dan asas-asas pembacaan Al-Quran itu sendiri menyumbang kepada minat dan keinginan untuk belajar Bahasa Arab. Faktor-faktor ini akan mempengaruhi kurikulum

yang akan digubal oleh penggubal kurikulum Bahasa Arab berdasarkan kepeluan pelajar secara individu.

A. KEPERLUAN PELAJAR BAHASA ARAB DARI ASPEK JENIS.

Aspek lain yang perlu diberi perhatian oleh penggubal kurikulum Bahasa Arab adalah dari aspek jenis keperluan..

Jenis-jenis keperluan yang dikenalpasti adalah:

1. Keperluan fizikal/biologi
2. Keperluan sosial/saikologi
3. Keperluan pendidikan.
4. Tugas Pembangunan..

1. Keperluan fizikal/biologi

Penggubal kurikulum juga perlu melihat perkembangan fizikal/biologi pelajar-pelajar. Keperluan biologi ini adalah sama bagi semua negara di dunia ini. Kurikulum yang akan dibentuk haruslah memenuhi keperluan-keperluan dari jenis ini. Pelajar memerlukan pergerakan, senaman, rehat dan pemakanan yang sihat. Begitu juga dengan kesihatan. Alam kanak-kanak akan beralih ke alam remaja dan seterusnya ke alam dewasa. Perubahan fizikal atau biologi ini akan diiringi dengan perubahan emosi dan keinginan. Mereka harus tahu seupayaan mereka dari sudut seks dan kebaikan, keburukan amalan seharian mereka seperti terlibat dengan dadah dan alkohol. Dalam aspek ini, pendidikan Bahasa Arab tidak berkaitan dan penggubal kurikulum tidak perlu untuk melihat faktor ini sebagai faktor penting dalam kurikulum yang akan digubal.

Akan tetapi kurikulum yang akan diperkenalkan haruslah mengambil kira keadaan kematangan pelajar-pelajar. Di Malaysia tahap pendidikan rasmi boleh dikira dari tahap pra sekolah, sekolah menengah dan universiti. Perkembangan fizikal dan biologi pelajar akan mempengaruhi tahap keupayaan pembelajaran mereka. Kurikulum berbentuk pengenalan kepada perkataan dan seterusnya susunan ayat dan seterusnya kepada petikan.

2. Keperluan sosial/ saikologi.

Sesetengah penggubal kurikulum mungkin akan membahagikan aspek ini kepada dua kategori iaitu aspek sosial dan saikologi, walaupun disana terdapat perbezaan. Contohnya seseorang individu memerlukan rasa cinta dan kasih sayang antara satu sama lain. Maka perasaan cinta dan kasih sayang itu kadang kala di anggap keperluan sosial seseorang individu. Manakal sesetengah yang lain akan menganggap perasaan cinta adalah dalam bentuk saikologi.

Aspek ini tidak berkaitan dengan penggubalan kurikulum bahasa Arab.

3. Keperluan yang bersifat pendidikan

Keperluan pelajar yang memfokuskan kepada sesuatu yang berbentuk pendidikan adalah menjadi fokuus kepada semua penggubal kurikulum. Dalam penggubalan kurikulum Bahasa Arab, faktor ini menjadi salah satu faktor utama memandangkan Bahasa Arab itu sebagai bahasa agama dalam konteks Pendidikan di Malaysia. Dalam sektor pendidikan kedudukan Bahasa Arab dan pendidikan Islam adalah selari kerana faktor keperluan pendidikan. Ini menjadi salah-satu objektif utama penubuhan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) yang menguruskan hal-hak yang berkaitan dengan pendidikan Islam dan bahasa Arab.

B. KEPERLUAN SOSIAL BAHASA ARAB DI MALAYSIA DARI ASPEK TAHAP

Para penggubal kurikulum Bahasa Arab bukan sahaja perlu juga melihat keperluan pelajar dari aspek tahap dan jenis, tetapi juga melihat aspek keperluan sosial yang berhubung kait dengan pelajar. Dua tahap keperluan ini, kadangkala berpusat, dan kadangkala menyimpang atau sebagai satu bentuk refleksi antara satu sama lain. Apabila kita membuat keperluan pelajar sebagai fokus kita, maka kita akan dapati satu perspektif yang berbeza yang mengikut pemerhatian kita dalam mempelajari keperluan sosial. Dalam menganalisa keperluan masyarakat, para penggubal kurikulum perlulah menyediakan satu set kemahiran yang akan digunakan. Dalam membincangkan keperluan masyarakat, ianya dibahagikan kepada dua, iaitu aspek tahap dan jenis. Klasifikasi tahap keperluan masyarakat adalah di tahap :

1. Kemanusiaan
2. Antarabangsa
3. Negeri
4. Masyarakat
5. Kejiranan

1. Kemanusiaan

Sebagai seorang manusia, yang diperlukan adalah sama sahaja dimanapun tempat didunia. Manusia perlukan pakaian, tempat tinggal, makanan dan lain-lain. Keinginan untuk bebas dari penyakit, ketakutan, kemiskinan dan lain-lain. Apabila berlaku bencana alam seperti gempa bumi, letupan gunung berapi, ribut taufan, banjir dan kemarau, maka kita akan ingat akan keperluan-keperluan asas yang disebut tadi. Maka kita harus memahami dan mengawal keadaan ini untuk menjaga keperluan sosial antara satu sama lain.

Manusia memerlukan bahasa sebagai satu bentuk medium berkomunikasi. Dalam konteks ini, oleh kerana bahasa Arab di Malaysia diletakkan status sebagai bahasa asing, maka keperluan sosial terhadap bahasa

Arab tidak terlalu tinggi dan ianya hanya dilihat sebagai keperluan khusus untuk sesetengah golongan masyarakat sahaja.

2. Antarabangsa.

Para penggubal kurikulum juga harus mengambil kira keperluan masyarakat antarabangsa. Contoh yang paling mudah adalah keperluan mengetahui bahasa asing. Bahasa adalah satu keperluan untuk berhubung antara satu sama lain. Dalam senario ini, penggubal Bahasa Arab haruslah mengambil kira penggunaan bahasa ini ke tahap antarabangsa. Bertepatan dengan Malaysia yang diiktiraf sebagai negara Islam. Kemahiran pelajar-pelajar Bahasa Arab berkomunikasi haruslah diberi perhatian. Bukan sekadar untuk kegunaan dalam negara sahaja malah melangkaui ke luar negara.

3. Negeri/negara

Negeri juga mempunyai keperluan yang khas. Apabila berlaku serangan keatas WTC di Amerika, pelancong-pelancong Arab beralih arah ke negara-negara Asia. Di sini wujudkan keperluan kepada Bahasa Arab di tahap negara. Apabila ramai pelancong arab berkunjung, maka perbualan asas dalam bidang pelancongan diperlukan. Para pemandu teksi dan pemandu-pemandu pelancong akan merasa satu keperluan mempelajari Bahasa Arab. Maka di sini wujudlah satu keperluan kepada satu kurikulum yang boleh memenuhi keperluan ini. Walaupun keadaan ini tidak kekal lama, namun sekiranya kita telah mempunyai kurikulum ke arah itu, maka ia dapat dilaksanakan dengan mudah apabila diperlukan.

4. Masyarakat

Penggubal kurikulum juga perlu melihat keperluan sosial dari aspek masyarakat. Keperluan masyarakat di Malaysia terhadap bahasa Arab lebih

menjuruskan kepada kepentingan keagamaan sahaja bukan untuk pembelajaran khusus. Kalau adapun beberapa keperluan kursus seperti ingin mengerjakan haji atau umrah semasa berada di sana. Pengajian bahasa Arab yang ada di surau-surau atau masjid-masjid ada sebagai memenuhi keperluan sesetengah masyarakat dalam pengajian agama sahaja. Tidak ada kajian yang menunjukkan bahawa pembelajaran bahasa Arab di Malaysia ini digunakan secara meluas untuk tujuan komunikasi seharian.

B. KEPERLUAN SOSIAL BAHASA ARAB DI MALAYSIA DARI ASPEK JENIS

Keperluan sosial Bahasa Arab di Malaysia dari jenisnya terbahagi kepada :

1. Politik.

Pengaruh politik terhadap pendidikan amat kuat. Pendidikan sesebuah negara terbentuk melalui kepimpinan politik yang ada. Dasar Pendidikan Kebangsaan dicetuskan oleh pemimpin-pemimpin negara. Dalam konteks negara Malaysia jelas politik memainkan peranan dalam perkembangan pendidikan. Keadaan pendidikan di Malaysia berbeza sebelum dan selepas Laporan Razak.

Begitu juga dengan pengaruh politik dalam keperluan bahasa Arab. Program j-QAF contohnya timbul hasil cetusan pemimpin negara. Maka disana terdapat keperluan kurikulum yang khusus yang mendasari program baru ini.

Program j-QAF adalah suatu usaha memperkasakan Pendidikan Islam (PI) melalui penekanan khusus dalam pengajaran Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain yang dilaksanakan di tahap persekolahan rendah. Pelaksanaan program ini menggunakan kurikulum serta model dan modulnya yang tersendiri. Tenaga guru yang khusus digunakan untuk pemulihan, bimbingan, kemahiran, pengukuhan, pengayaan dan penghayatan murid. Pelaksanaannya menggunakan peruntukan jadual waktu sedia ada.

Murid-murid istimewa dalam sistem pendidikan khas juga akan dilibatkan dalam program j-QAF. Pelaksanaan ini memerlukan tenaga guru yang khas, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, bahan-bahan sokongan dan insentif yang khas serta kemudahan-kemudahan lain. (http://www.japim.edu.my/bkpim/jqaf_bm.htm)

2. Sosial

Keperluan sosial kepada bahasa asing menjadi satu topik yang disentuh oleh penggubal kurikulum. John L Clark (1987,113) dalam bukunya *Curriculum Renewal in School Foreign Language Learning* menyebut bahawa;

“there is little perceived need among British speakers of English for learning other language, since in the vast majority of their international contacts, whether in Britain or abroad, they think that they can get by English, and given the high level attained in English learning abroad, they often can.”

Beliau menjelaskan bahawa tidak ada keperluan untuk masyarakat Britain untuk menguasai bahasa asing kerana semua orang bertutur bahasa Inggeris.

Dalam konteks sikap masyarakat Malaysia keperluan masyarakat terhadap bahasa Arab juga ada. Walaupun kaitan bahasa Arab dan agama begitu rapat, namun keperluan tersebut tidak terbatas setakat mempelajari untuk mendalami ilmu-ilmu agama sahaja. Malah memperluaskan lagi penggunaan bahasa Arab Kini ada usaha-usaha yang cuba menonjolkan bahasa Arab di mata masyarakat bahawa ianya bukan sekadar bahasa kitab sahaja, malah boleh menjadi bahasa komunikasi yang boleh digunakan.

Akhir-akhir ini, keperluan sosial terhadap bahasa Arab menjadi semakin penting. Kebanjiran pelancong-pelancong arab ke Asia Tenggara menjadi salah satu faktor tersebut. Pihak-pihak yang terlibat dalam sektor pelancongan kini melihat kemahiran berbahasa Arab sebagai satu tarikan

perniagaan mereka. Pemandu teks, polis pelancong dan beberapa pihak lagi mengambil inisiatif untuk mengetahui serba sedikit tentang bahasa Arab. Maka di sana terdapat keperluan penggubalan silibus bahasa Arab yang khusus untuk tujuan ini.

3. Pendidikan

Kewujudan Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Negeri (SAN) dan institusi pondok memainkan peranan yang sangat besar dalam perkembangan bahasa Arab. Perkembangan ini dirancarkan lagi dengan penubuhan SMKA yang memperkenalkan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Institusi pendidikan tinggi memang telah lama memainkan peranan mereka dalam perkembangan bahasa Arab. Semua pihak yang disebut di atas merupakan elemen-elemen dalam sistem pendidikan yang secara langsung memainkan peranan dalam mewujudkan keperluan bahasa Arab

4. Keagamaan

Tidak dapat di sangkal lagi peranan agama Islam dan bahasa Arab. Kaitannya yang teguh dengan agama Islam disebut oleh Allah S.W.T dalam Al-Quran ;

(2)

Bermaksud:

"Sesungguhnya kami turunkan Al-Quran dalam bahasa Arab, Mudah-mudahan kamu menjadi orang-orang yang benar-benar berakal"

Dan dalam satu hadis riwayat Saidina Umar r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda;

Bermaksud;

'Belajarliah kamu bahasa Arab. Sesungguhnya ianya sebahagian dari agama kamu dan belajar ilmu Faraid (Pusaka) Sesungguhnya ianya sebahagian dari agama kamu

Bahasa Arab juga merupakan salah satu pengukuh hubungan silaturrahim sesama muslim. Ini kerana merupakan salah satu perantara yang mendekatkan seseorang dengan seseorang yang lain.

Dr, Haji Maimon Aqsha Lubis dalam bukunya *Turuq Tadriis Al-Lughah Al-Arabiyyah fi Maaliziya* menyatakan;

Yang bermaksud

Dan timbul kepentingan bahasa Arab kerana ianya merupakan penghubung yang terkuat di kalangan kaum muslimin. Yang demikian itu kerana peranan bahasa yang menyatukan masyarakat. Sesungguhnya umat-umat terdahulu menggesa kaum-kaum mereka mempelajari bahasa Arab dan menyebarkannya tanpa mengira kaum dan bangsa dan bahasa Arab bukan sahaja bahasa yang khusus untuk orang-orang berketurunan arab, bahkan ianya merupakan bahasa global yang ramai orang-orang Islam yang ingin mempelajarinya kerana kaitannya dengan agama dan kemajuan agama Islam.

Proses sosial

Telah banyak kajian dilakukan untuk mengenalpasti akan keperluan sosial. Peranan sosial, aktiviti kehidupan dan institusi sosial adalah istilah-istilah yang selalu disebut dalam mengklasifikasikan proses sosial ini. Sebagai contoh pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Ianya dilihat merangkumi kedua-dua keperluan dari aspek keperluan sosial dan keperluan individu. Seseorang individu memerlukan Bahasa Arab sebagai satu usaha untuk mendalami agama. Ini adalah keperluan individu. Dan dalam masa yang sama ianya merupakan kehendak sosial agar terdapatnya orang yang mengajar Bahasa Arab untuk mereka belajar Bahasa Arab dan seterusnya memahami kehendak-kehendak agama dengan lebih baik dan berkesan lagi.

KEPERLUAN MATA PELAJARAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA.

Bahasa Arab di Malaysia bukanlah matapelajaran yang asing. Faktor sejarah Tanah Melayu banyak membantu perkembangan Bahasa Arab di Malaysia. Sejarah Melaka yang menjadi tumpuan perdagangan antarabangsa di kurun ke 15 telah menarik pedagang-pedagang Arab dari Tanah Arab ke Semenanjung Tanah Melayu. Kedatangan mereka bukan sekadar berdagang sahaja, malah turut membawa Islam ke Tanah Melayu. Seiringan dengan itu, Bahasa Arab turut mengalami perkembangan dan diperkenalkan di Tanah Melayu. Penerimaan Islam sebagai satu agama dan pegangan di Tanah Melayu turut memberi sumbangan kepada perkembangan Bahasa Arab. Boleh dikatakan bahawa di Malaysia perkembangan Bahasa Arab sentiasa beriringan dengan perkembangan Islam.

Pengaruh Bahasa Arab di Malaysia begitu ketara sehinggakan terdapat dalam kamus dewan, perkataan-perkataan yang berasal dari Bahasa Arab yang telah didaftarkan sebagai perkataan bahasa Melayu. Bukan sekadar dalam percakapan, malah dalam tulisan. Perkataan `awal`, `ulama' dan lain-lain merupakan sebahagian perkataan yang berasal dari Bahasa Arab. Lebih-lebih lagi dalam istilah-istilah agama, pemakaian Bahasa Arab ini amat sinonim.

Oleh itu Bahasa Arab di Malaysia di rasakan perlu dipelajari dari tahap yang serendah-rendahnya sehingga ke tahap yang tinggi untuk beberapa tujuan. Kebanyakan tujuan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia adalah berkait rapat dengan tujuan untuk mendalami ilmu-ilmu agama. Pengenalan kepada mata pelajaran Bahasa Arab ini popular di sekolah-sekolah agama rakyat dan sekolah agama kerajaan dan begitu juga di tahap universiti. Universiti-universiti yang menawarkan pengajian Islam, maka Bahasa Arab menjadi wajib kepada pelajar-pelajar yang mengambil jurusan pengajian Islam. Ini adalah kerana sumber-sumber asal pengajian Islam adalah dalam Bahasa Arab.

Namun Bahasa Arab bukan sekadar itu untuk mendalami agama sahaja. Ianya juga merupakan bahasa komunikasi. Pengenalan bahasa Arab untuk komunikasi ini bermula di beberapa institusi pengajian tinggi. Sebagai contoh, Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah memperkenalkan Bahasa Arab sejak tahun 60an lagi di bawah

Pusat Bahasa Institut Teknologi MARA.(ITM) Pada mulanya pengajian Bahasa Arab di tawarkan hanya kepada pelaja-pelajar ITM sebagai kursus pilihan bagi pelajar-pelajar Diploma Pentadbiran Awam sebagai kursus wajib. Memandangkan bahawa Bahasa Arab adalah bahasa Al-Quran dan masyarakat luar berminat terhadap bahasa ini, maka ianya diperkenalkan kepada orang luar melalui program Kursus Kemahiran Bahasa (KKB) sejak julai 1991. (Prospektus Pusat Bahasa, UiTM)

Begitu juga ditahap sekolah. Pengenalan kepada matapelajaran Bahasa Arab Komunikasi (BAK) juga menunjukkan bahawa disana terdapat keperluan berbahasa Arab selain mendalami bahasa Arab untuk tujuan mendalami ilmu-ilmu agama. Pelaksanaan Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Kebangsaan bermula dengan projek rintisnya pada tahun 1997. Projek rintis ini melibatkan 97 buah sekolah kebangsaan di seluruh negara. Pelaksanaan Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Kebangsaan secara rasmi dibuat mulai tahun 1998. Sehingga 31 Disember 2002, terdapat 910 buah sekolah kebangsaan yang menawarkan Bahasa Arab Komunikasi melibatkan 5,828 buah kelas dan 172,941 orang murid. (http://www.japim.edu.my/bkpim/bakbsr_bm.htm)

Manakala matlamat bahasa Arab di tahap sekolah rendah iaitu

"Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi di tahap rendah bermatlamat menanam minat mempelajari bahasa Arab bagi menguasai kemahiran berbahasa di samping membolehkan murid berkomunikasi dengan mudah." (http://www.japim.edu.my/bkpim/bakbsr_bm.htm)

D. BAGAIMANA CARA UNTUK MELAKSANA ANALISIS KEPERLUAN KURIKULUM BAHASA ARAB DI MALAYSIA.

Definisi bagi penilaian keperluan kurikulum ialah satu proses untuk mengenalpasti keperluan-keperluan yang harus dilihat dengan teliti oleh penggubal kurikulum. Terdapat beberapa definisi lain yang dihuraikan oleh penulis-penulis buku tentang kurikulum. English dan Kaufman memberi definisi penilaian keperluan sebagai satu proses;

Objektif penilaian keperluan ini boleh dikategorikan kepada 2 kategori utama;

1. Untuk mengenalpasti keperluan pelajar yang tidak dipenuhi oleh kurikulum yang sedia ada. Kurikulum yang sedia ada mungkin tidak dapat memenuhi keperluan pelajar, mungkin oleh kerana sebab-sebab yang tertentu.
2. Untuk menyediakan asas untuk menilai balik kurikulum yang sedia ada dalam hasrat untuk memenuhi keperluan pelajar sebanyak mana yang mungkin. Kelemahan-kelemahan dalam kurikulum yang sedia ada perlulah dibaiki dari masa ke semasa.

Dalam melaksanakan penilaian keperluan ini, bukannya usaha yang dijalankan hanya pada satu-satu masa sahaja, tetapi ianya merupakan satu proses yang berterusan selagi mana ianya difikirkan perlu dan belum mencapai objektif pengajian. Seseengah penggubal kurikulum percaya bahawa dalam menilai keperluan ini merupakan satu tugas yang perlu disempurnakan dengan teliti sebelum penggubalan sesuatu kurikulum baru. Apabila sesuatu keputusan telah dicapai dari kajian-kajian permulaan ini, maka kurikulum yang telah dibentuk tidaklah perlu untuk dikaji lagi untuk tempoh beberapa tahun akan datang.

Memandangkan keperluan pelajar, masyarakat dan matapelajaran Bahasa Arab ini, berubah mengikut peredaran zaman, dan tidak ada satu kurikulum pun yang sempurna keseluruhannya untuk penbelajaran Bahasa Arab, maka penilaian keperluan pelajar, masyarakat dan negara terhadap Bahasa Arab perlulah dilakukan

Penilaian keperluan ini merupakan proses penambahbaikan yang berterusan yang dijalankan sebelum menetapkan tujuan dan objektif sesuatu kurikulum dan juga

selepas penetapan tujuan dan objektif. Ianya juga dijalankan selepas penilaian pengajaran dan penilaian kurikulum itu sendiri. English dan Kaufman menyatakan bahawa kebanyakan sekolah memerlukan dari 6 bulan sehingga 2 tahun untuk melengkapkan penilaian keperluan ini.

Dalam konteks Bahasa Arab, penilaian keperluan ini banyak bergantung keperluan pelajar, masyarakat setempat, negeri dan keperluan negara. Keperluan pelajar jelas sekali berbeza berdasarkan pemilihan sekolah yang mereka pelajari. Pelajar-pelajar sekolah agama sudah semestinya berbeza keperluan Bahasa Arab berbanding dengan mereka yang berada di sekolah menengah biasa.

Begitu juga dengan keperluan masyarakat. Dalam masyarakat yang lebih cenderung kepada agama, maka mereka akan menganggap keperluan kepada Bahasa Arab adalah tinggi dan keperluannya bukan sekadar di tahap pelajar, malah tahap masyarakat dan negara. Berbanding dengan masyarakat yang tidak begitu bersungguh dalam bab beragama, maka mereka akan menganggap sebaliknya.

Peter F Oliva menyebut. Seseengah sekolah melihat proses penilaian keperluan ini dari kaca mata guru-guru, pelajar dan ibu bapa. Para penggubal kurikulum akan melihat perspektif ibubapa contohnya dengan menanyakan mereka soalan-soalan berikut.

- Bagaimana perasaan anda ketika anak-anak berada di sekolah?
- Adakah anak-anak anda merasai kepayahan untuk belajar di sekolah. Jika Ya nyatakan sebab-sebabnya.
- Apakah kandungan pengajaran disekolah yang anda rasakan perlu ditawarkan, tetapi tidak ditawarkan?
- Apakah cadangan-cadangan anda untuk memperbaiki lagi program-program yang ada di sekolah?
- Adakah anda merasa puas hati dengan program-program yang ditawarkan kepada anak-anak anda? Jika tidak, sila nyatakan program-program yang anda rasakan tidak sesuai dengan anak-anak anda dan jelaskan sebab-sebabnya..

Para guru dan pelajar-pelajar pun mungkin akan diberikan soalan-soalan yang sama untuk melihat persepsi mereka tentang kurikulum yang sedia ada dan penambahbaikan yang diperlukan di sekolah terbabit. Proses ini juga merupakan satu platform kepada para guru dan pelajar untuk menyatakan pandangan mereka tentang keperluan-keperluan yang perlu ada dalam sesuatu kurikulum.

Pendekatan melihat keperluan ini merupakan satu alat yang berkesan apabila dilihat dari perspektif guru, pelajar dan ibubapa. Dalam erti kata yang lain pihak sekolah mengetahui akan keperluan-keperluan ibubapa terhadap anak-anak mereka ketika di sekolah hasil dari cadangan-cadangan mereka. Dari sudut ini, kita melihat akan keberkesanan kaedah pendekatan melihat keperluan dari aspek guru, pelajar dan ibubapa.

Disebalik kaedah pendekatan melihat keperluan ini, ianya terbatas. Ianya merupakan pandangan-pandangan guru, pelajar dan ibubapa sahaja tanpa disertai dengan fakta-fakta yang jelas. Maka menjadi tugas penggubal kurikulum menilai cadangan-cadangan dan tanggapan tadi dengan realiti yang berlaku dan dengan data-data yang sedia ada. Kemungkinan keperluan sebenar pelajar sedikit berbeza dengan cadangan dan tanggapan tadi. Keadaan ini mungkin berlaku dalam pembelajaran Bahasa Arab di mana kadang-kadang keperluan pelajar ditentukan oleh sekolah dan ibubapa tanpa merujuk kepada keperluan pelajar yang sebenarnya. Anak-anak mungkin disuruh oleh ibubapa untuk masuk ke sekolah-sekolah agama untuk mendalami Bahasa Arab, sedangkan pada masa yang sama minat anak-anak tidak kepada Bahasa Arab. Maka mungkin disini berlakulah kegagalan kurikulum yang dibentuk untuk melahirkan mereka yang menguasai Bahasa Arab ini.

Pengumpulan Data

Mereka yang terlibat dalam melaksanakan penilaian keperluan, perlulah mendapat data-data lengkap berkenaan dengan sekolah, pelajar-pelajar dan program-program yang dilaksanakan seboleh yang mungkin. Adalah penting data yang dikutip hendaklah mencakupi maklumat tentang masyarakat dan lain-lain. Data berkenaan

dengan program-program yang ada dengan kemudahan-kemudahan yang tertentu. Begitu juga dengan pencapaian sekolah. Data boleh diperolehi dari berbagai sumber seperti rekod peperiksaan murid, laporan-laporan dari pejabat bahagian dan daerah ataupun dari Jabatan Pendidikan Negeri. Kajian tentang prestasi sekolah dan sikap pelajar-pelajar sekolah, penilaian pengajaran, bahan pengajaran, laporan pemerhatian dalam kelas dan juga proses peperiksaan juga boleh dijadikan panduan dan sebagai data untuk dianalisa dan digunapakai dalam menggubal kurikulum baru.

Di Malaysia, sistem peperiksaan dalam matapelajaran bahasa Arab yang sedia ada bermula dari tahap sekolah rendah, menengah sehinggalah ke tahap universiti telah diamalkan. Maka keputusan semua tahap peperiksaan tersebut merupakan data yang penting untuk dianalisa dan seterusnya merangka strategi-strategi tertentu dalam menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di semua tahap. Data-data yang terhasil merupakan indikator kepada tahap pencapaian dan penguasaan bahasa Arab.

Data-data yang mencukupi adalah amat penting untuk membuat sebarang keputusan berkenaan dengan bidang-bidang dan topik-topik yang dipelajari oleh pelajar dan menetapkan tujuan dan objektif sesuatu kurikulum. Data ini yang akan menentuka bahawa disana terdapat keperluan untuk menukar atau mengubahsuai kurikulum yang sedia ada. Berdasarkan pandangan dan komen dari guru, pelajar dan ibubapa sahaja tidak memadai sekiranya bertujuan untuk mengubah kurikulum. Semua hendaklah berdasarkan data-data yang diperolehi tadi.

Penilaian keperluan ini menjadi semakin penting apabila sesebuah institusi cuba untuk mendapatkan pengiktirafan rasmi dari kerajaan. Dalam konteks Malaysia, badan yang dipertanggungjawabkan untuk urusan pengiktirafan akademik ialah Lembaga Akreditasi Negera (LAN). Sebelum mendapat pengiktirafan dari LAN, proses-proses berkaitan dengan analisa data tadi perlulah ada sebelum ianya diaudit untuk memenuhi piawaian akademik yang ditetapkan oleh Kemeterian.

E. SILA BINA ALAT KAJIAN UNTUK MENJALANKAN ANALISIS KEPERLUAN KURIKULUM BAHASA ARAB.

Langkah-Langkah dalam menyediakan Proses Penilaian Keperluan adalah seperti berikut:

- Menyediakan dan mengesahkan tujuan kurikulum.
- Mengklasifikasikan keutamaan tujuan.
- Menterjemahkan keutamaan tujuan kepada objektif kurikulum.
- Mengklasifikasikan keutamaan objektif kurikulum.
- Mengumpul data.
- Mengenalpasti objektif yang belum tercapai contohnya jurang antara objektif kurikulum yang disasarkan dengan pencapaian sebenar objektif kurikulum.
- Mengklasifikasikan keutamaan keperluan.
- Melaksanakan keutamaan keperluan.
- Menilai kejayaan terhadap keutamaan yang telah dikenalpasti.

Melihat kepada model atau langkah-langkah di atas, seakan mudah untuk menjalankan analisis keperluan. Tetapi ianya sebenarnya adalah rumit. Ianya melibatkan banyak pihak. Pengurusan sekolah, pentadbir, guru, pelajar, ibubapa dan mana-mana pihak yang berkaitan. Di Malaysia sistem pendidikan berpusat merumitkan lagi proses ini. Pengubahsuaian kepada kurikulum yang sedia ada terpaksa melalui saluran-saluran tertentu dari peringkat terendah hingga ke peringkat tinggi. Apatah lagi ianya melibatkan perubahan kurikulum secara keseluruhan. Bermula dari tahap paling bawah iaitu pelajar hinggalah ke tahap kementerian.

Sungguhpun ianya merupakan arahan dari pihak atasan dan melibatkan banyak pihak, kumpulan penggubal kurikulum haruslah terdiri dari mereka yang mahir dan amat arif dalam penggubalan kurikulum, sosiologi pendidikan dan dari aspek psikologi pendidikan.

Mereka yang terlibat dalam membuat analisis keperluan ini, haruslah bersandarkan data-data yang kukuh berkenaan dengan sekolah, jabatan dan kementerian. Mereka perlu mengikut teknik-teknik dan strategi tertentu dalam bergerak seiringan dengan masyarakat dalam usaha untuk mendapatkan apakah sebenarnya keperluan-keperluan dari semua pihak.

Tujuan utama analisis keperluan ini adalah untuk memberitahu atau menyebarkan kepada pengguna atau pemakai kurikulum ini, samada ianya memenuhi kehendak semua pihak, atau adakah ianya perlu diubah, dilihat balik, dikemaskini atau perlu kepada penambahbaikan.

Proses-proses ini memakan masa yang lama. Terdapatnya proses yang berulang-ulang yang memerlukan komitmen yang tinggi dari pihak yang terlibat dan implikasi kewangan yang tertentu untuk menyempurnakan tugas ini. Sesungguhnya proses yang sistematik untuk menerokai apa sahaja yang tidak memenuhi keperluan pelajar adalah bahagian yang paling penting di dalam penambahbaikan kurikulum.

Kesimpulan

Para penggubal kurikulum perlulah melihat aspek keperluan semua tahap dan jenis untuk mengeluarkan satu bentuk kurikulum yang benar-benar mantap dan baik. Percubaan dan penambahbaikan akan sentiasa berlaku dalam proses penggubalan kurikulum. Proses pengujian dan penilaian perlulah ada dalam menilai sesuatu kurikulum itu berjaya atau sebaliknya. Keperluan kepada bahasa Arab akan sentiasa berubah, maka begitu juga dengan perkembangan kurikulum.

Kurikulum Bahasa Arab khasnya haruslah diteliti secara mendalam akan keperluan-keperluan dari semua pihak. Bahasa Arab bukan sekadar bahasa, tapi ianya mempunyai kaitan yang rapat dengan perkembangan agama Islam. Malaysia sebagai satu negara yang penduduknya bukan penutur asli Bahasa Arab, maka pembelajaran Bahasa Arab perlulah diarahkan kemana hasil pembelajaran bahasa ini. Samada ingin menjadi seorang penutur yang betul-betul mahir menggunakan bahasa Arab sahaja atau untuk menjaga kesucian agama Islam. Walaupun untuk mencapai kedua-duanya

bukanlah perkara yang mustahil, tetapi ianya perlu di tekankan untuk satu sebab iaitu untuk para penggubal kurikulum melahirkan satu kurikulum bahasa Arab yang mantap mengikut keperluan seperti yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan yang terdahulu.

Keutuhan pendidikan Islam sememangnya bertunjangkan kepada bahasa Arab. Penguasaan bahasa Arab yang baik, samada dari segi pertuturan, pemahaman, pembacaan dan penulisan memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan Islam di Malaysia. Tanpa mendalami bahasa Arab, ummat Islam tidak akan mampu untuk menjadi *khayra ummah* kerana sumber-sumber ajaran Islam adalah dalam bahasa Arab. Walaupun di Malaysia, bahan rujukan agama Islam telah banyak dalam bahasa Malaysia, tetapi ianya merupakan terjemahan dari kitab-kitab yang *muktabar* yang ditulis dalam bahasa Arab. Kemahiran berbahasa Arab dapat mengelakkan kita ummat Islam membuat rujukan hanya dari buku-buku terjemahan semata-mata. Ini secara langsung dapat memelihara kesucian agama Islam.

Rujukan

Al-Quran

Hadith Nabi

Prospektus Pusat Bahasa, UiTM

http://www.japim.edu.my/bkpim/jqaf_bm.htm

http://www.japim.edu.my/bkpim/bakbsr_bm.htm

Dr. Haji Maimon Aqsha Lubis 1991. *Satu Perbandingan Kesan Dua Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Terhadap Pencapaian Kemahiran Bahasa di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa* -Tesis Sarjana UKM.

Pusat Perkembangan Kurikulum. 1996 *Kurikulum Abad Ke-21: Kertas konsep* Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan

Nik Mohd Rahimi. 1998. *Bahasa Arab untuk Kemahiran Komunikasi: Satu kajian tentang perlaksanaanya dan cabaran pengajaran dan pembelajaran di abad ke-21*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Isu-isu Pendidikan Negara pada 26-27 November 1998, di Kelab Rekreasi Universiti di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Peter F. Oliva 2004 *Developing the Curriculum six edition*

Stevens, P. 1978 *New orientations in teaching English*. Oxford: Oxford University Press

Widdowson, H.D. 1983 *Learning purpose and language use*. Oxford: Oxford University Press

Yalden, J. 1987 *The communicative syllabus design*. Englewood cliff. N.J. Prentice-Hall International

Hutchinson. T. Waters. A. 1986 *English for specific purpose: A Learning Centered Approach*. Cambridge: Cambridge University Press.

Jack C. Richards 2001 *Curriculum Development in Language Teaching* Cambridge: Cambridge University Press.

Van Els, T. Bongaerts, G. Extra, C. Van Os dan A. Janssen-van Dieten (1984, 159)

Linse, C. T 1993. *Assesing students needs*. In Hudelson, 35 - 48

Dr, Haji Maimon Aqsha Lubis 2007. *Turuq Tadriis Al-Lughah Al-Arabiyyah fi Maaliziya*

John L Clark 1987 *Curriculum Renewal in School Foreign Language Learning*. Oxford: Oxford University Press

Robinson, P. 1991. EST (English For Specific Purpose). Oxford: Pergamon Press

Kaufman, Roger A. 1983 *Needs Assesment*. In Fenwick W. English ed. *Fundamental Curriculum Decisions*, 1983 Yearbook. Alexandria, Va.: Association for Supervision and Curriculum Dvelopment